

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan. Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 2, **sebanyak tujuh pengauditan prestasi bernilai RM66.862 bilion telah dilaksanakan** di tujuh kementerian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat pengauditan bernilai RM32.520 bilion melibatkan kategori program/aktiviti dan dua pengauditan bernilai RM34.342 bilion melibatkan projek. Sebanyak satu program/aktiviti tidak melibatkan perbelanjaan pembangunan iaitu Pengurusan Pendaftaran Penerima Vaksin Covid-19 dan Aplikasi MySejahtera.
2. Sebanyak tujuh pengauditan tersebut merangkumi seperti berikut:
 - a. Tiga pengauditan masing-masing melibatkan Kementerian Kesihatan.
 - b. Dua pengauditan melibatkan Jabatan Perdana Menteri.
 - c. Satu pengauditan masing-masing melibatkan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Wilayah Persekutuan; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Sumber Manusia.
3. Secara keseluruhannya, daripada tujuh program/aktiviti/projek yang disemak didapati beberapa penemuan seperti berikut:
 - 3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian objektif projek didapati:
 - a. **Tiga program/aktiviti/projek telah berjaya mencapai objektif** projek seperti yang ditetapkan, iaitu Pengurusan Program Subsidi Upah, Pengurusan Wabak Covid-19 dan Pengurusan Pendaftaran Penerima Vaksin Covid-19 dan Aplikasi MySejahtera.
 - b. Sebanyak **empat program/aktiviti/projek tidak mencapai sepenuhnya objektif projek** iaitu Pengurusan Pembangunan Putrajaya; Pengurusan Projek Kompleks Parcel F, Putrajaya; Pengurusan Perkhidmatan Ambulans dan Pengurusan Program Dana Jaminan Makanan di Bawah PRIHATIN.

3.2. Terdapat **dua kes pembaziran bernilai RM825.98 juta** melibatkan Pengurusan Wabak Covid-19 dan Pengurusan Pembangunan Putrajaya. Perkara ini antaranya berkaitan peralatan ventilator yang dibeli tidak dapat digunakan, penangguhan projek monorel dan depoh bas yang tidak digunakan.

3.3. Terdapat juga **satu kes melibatkan pembayaran tidak teratur bernilai RM0.10 juta** melibatkan program Pengurusan Perkhidmatan Ambulans. Kes yang dibangkitkan adalah perkhidmatan udara dilaksanakan sebelum pesanan tempatan diluluskan.

4. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, **Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 21 syor** untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkaitan. Antara syor yang dikemukakan adalah kementerian/jabatan/agensi dimohon menjalankan kajian terperinci bagi setiap cadangan projek terlebih dahulu sebelum diluluskan. Selain itu, kementerian/jabatan/agensi juga harus mempertingkatkan aspek pemantauan bagi memastikan program/aktiviti/projek dilaksanakan mengikut jadual atau perancangan yang ditetapkan. Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan perlu menetapkan kriteria dan mekanisme penilaian keberhasilan semasa di peringkat perancangan untuk setiap program projek yang dilaksanakan.